

STRATEGI PELAKSANAAN PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN DI PUSAT PEMBELAJARAN

NAMA PUSAT : OUTDOOR LC

PUSAT/ FUNGSI : MENARA KAWALAN @ *TRAFFIC CONTROLLER*

TAJUK/ TEMA : LANDASAN (1) - LAKARAN

BIL	PERKARA	CATATAN	
1	STANDARD KANDUNGAN	MA 1.3	Membuat seriasi
		MA 1.4	Mengecam dan Membina Pola
2	STANDARD PEMBELAJARAN	MA 1.3.1	Susun objek dari : i. Kecil ke besar ii. Pendek ke panjang iii. Rendah ke tinggi iv. Nipis ke tebal
		MA 1.4.2	Meniru Pola
3	STREAM	S	Meneroka dan berkongsi idea mengenai menara kawalan kapal terbang (panjang pendek, kepadatan)
		T	Melakukan pemilihan bahan untuk menghasilkan model menara kawalan daripada bahan kitar semula
		R	Mengamalkan sikap toleransi dalam pergaulan
		E	Mencantumkan setiap bahagian untuk membina menara kawalan
		A	Menggunakan pelbagai bahan mengikut kreativiti kanak-kanak. Menghasilkan lakaran rekabentuk dan pembinaan model
		M	Mengenal pasti kedudukan objek dan mengikut pola untuk menghasilkan rekacipta
4	ABM	Pensel warna, pembaris, pensel, warna air, berus warna, kertas stiker putih, gunting dan kertas A4	

BIL	PERKARA	CATATAN	
5	KEMAHIRAN	KENDIRI POSITIF	SOSIAL
		i. Yakin ii. Faham perasaan diri sendiri iii. Menyatakan pendapat	i. Menyelesaikan masalah ii. Bekerjasama iii. Keterlibatan
6	<p><u>STRATEGI PELAKSANAAN</u></p> <p><u>Aktiviti 1: Lakaran landasan</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kanak-kanak menonton video yang ditayangkan. 2. Guru meminta kanak-kanak mencari gambar landasan kapal terbang yang tersembunyi. 3. Guru bersoaljawab dengan kanak-kanak tentang gambar yang ditunjukkan. Contoh: Di mana adik-adik biasa nampak landasan kapal terbang? Landasan digunakan untuk apa? Landasan kapal terbang itu panjang ke pendek? Siapa pernah naik kapal terbang? Adakah landasan lurus atau bengkok bengkok? 4. Kanak-kanak diminta melakarkan gambar landasan kapal terbang mengikut idea dan kreativiti mereka. 5. Kanak-kanak mewarnakan gambar landasan kapal terbang yang telah dilakarkan mengikut kreativiti masing-masing. 6. Setiap perbualan kanak-kanak direkod oleh guru di atas kertas lakaran. 7. Guru memilih kanak-kanak secara rawak untuk menceritakan hasil kerja mereka. 8. Hasil kerja dipamerkan dan ditampal di dalam Buku Skrap kanak-kanak 		

BIL	PERKARA	CATATAN
		<p><u>Aktiviti 2: Binaan model landasan</u></p> <p>Guru dan kanak-kanak berbincang mengenai bahan-bahan yang diperlukan untuk membina model landasan kapal terbang seperti kotak terpakai dan lain-lain.</p> <p>9. Guru mengarahkan ketua kumpulan untuk mengambil bahan-bahan yang telah disediakan.</p> <p>10. Kanak-kanak membina model landasan kapal terbang dalam kumpulan masing-masing dengan bimbingan guru.</p> <p>11. Kanak-kanak membuat aktiviti membina model landasan kapal terbang dengan bimbingan guru.</p> <p>12. Wakil daripada setiap kumpulan mempamerkan hasil binaan model landasan kapal terbang dan menceritakan tentang hasil kerja mereka.</p> <p><u>Nota:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ❖ <i>guru boleh menyediakan abm berdasarkan pelbagai tema yang bersesuaian</i> ❖ <i>aktiviti ini boleh dibahagikan kepada dua slot mengikut kesesuaian masa:</i> <ul style="list-style-type: none"> ○ <i>Aktiviti 1: lakaran landasan</i> ○ <i>Aktiviti 2: binaan model landasan</i>

STRATEGI PELAKSANAAN PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN DI PUSAT PEMBELAJARAN

NAMA PUSAT : OUTDOOT LC

PUSAT/ FUNGSI : LANDASAN KAPAL TERBANG

TAJUK/ TEMA : LAKARAN LANDASAN

BIL	PERKARA	CATATAN	
1	STANDARD KANDUNGAN	MA 1.3	Membuat seriasi
		MA 1.4	Mengecam dan Membina Pola
2	STANDARD PEMBELAJARAN	MA 1.3.1	Susun objek dari: v. Kecil ke besar vi. Pendek ke panjang vii. Rendah ke tinggi viii. Nipis ke tebal
		MA 1.4.2	Meniru Pola
3	STREAM	S	Membuat pemerhatian menggunakan kelima-lima deria.
		T	Meneroka pelbagai aktiviti yang melibatkan motor halus
		R	Mengamalkan sikap toleransi dalam pergaulan
		E	Menzahirkan idea kreatif dalam penghasilan karya
		A	Mengetahui media dalam menghasilkan karya seni (Aplikasi Seni)
		M	Memadankan objek

BIL	PERKARA	CATATAN	
4	ABM	Pensel, pembaris, pensil warna dan kertas A4	
5	KEMAHIRAN	KENDIRI POSITIF	SOSIAL
		iv. Yakin v. Faham perasaan diri sendiri vi. Menyatakan pendapat	iv. Menyelesaikan masalah v. Bekerjasama vi. Keterlibatan
6	<p><u>STRATEGI PELAKSANAAN</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kanak-kanak menonton video yang ditayangkan. 2. Guru meminta kanak-kanak mencari gambar landasan kapal terbang yang tersembunyi. 3. Guru bersoaljawab dengan kanak-kanak tentang gambar yang ditunjukkan. Contoh: Di mana adik-adik biasa nampak landasan kapal terbang? 4. Kanak-kanak diminta melakarkan gambar landasan kapal terbang mengikut idea dan imaginasi mereka. 5. Kanak-kanak mewarnakan gambar landasan kapal terbang yang telah dilakarkan mengikut kreativiti masing-masing. 6. Guru merekod setiap perbualan mengenai yang dibuat oleh kanak-kanak diatas kertas mereka. 7. Guru memilih kanak-kanak secara rawak untuk menceritakan hasil kerja mereka. 8. Hasil kerja dipamerkan dan ditampal di dalam Buku Skrap kanak-kanak <p><u>Nota:</u> * guru boleh menyediakan abm berdasarkan pelbagai tema yang bersesuaian</p>		